



## USUL SIDANG MUDA 2021

### USUL PELAKSANAAN KUTIPAN CUKAI PENCEMARAN AIR ATAU *EFFLUENT TAX* TERHADAP INDUSTRI PERKILANGAN

Untuk pengetahuan sidang sekalian, terdapat sebanyak 3 sungai di Pulau Pinang, iaitu Sungai Juru, Sungai Pinang dan Sungai Nipah telah dikategorikan dalam Kelas Lima iaitu dalam keadaan pencemaran teruk atau lebih dikenali sebagai “sungai mati”. Hal ini bukan sahaja mengancam kebersihan bekalan air di negeri, malah telah menjejaskan pendapatan dan rezeki nelayan-nelayan di negeri kerana pencemaran air yang teruk serius telah pun merosakkan habitat hidupan sungai sehingga nyawa hidupan-hidupan akuatik ini juga diancam. Menurut laporan daripada IPG Perlis yang menyiasat tentang punca pencemaran sungai di negeri, pelupusan sisa-sisa industri, terutamanya industri semikonduktor ke dalam sungai merupakan faktor dominan yang menyumbang kepada pencemaran air di negeri.

Oleh itu, dengan merujuk kepada tajuk usul dan konteks di atas, saya mengusulkan pelaksanaan pengutipan cukai pencemaran air atau *effluent tax* terhadap industri-industri perkilangan sebagai langkah drastik untuk mengatasi masalah pencemaran air yang semakin meruncing. Konsep *effluent tax* adalah seperti cukai karbon yang telah pun dilaksanakan di 27 negara seperti Finland, China, Singapura dan lain-lain.

Pelaksanaan kutipan *effluent tax* ini sangat diperlukan kerana kos kerja pembersihan dan perawatan sungai-sungai yang tercemar sememangnya perlu ditanggung oleh industri-industri perkilangan yang mengeluarkan bahan pencemar dan bukannya kerajaan ataupun persatuan-persatuan alam sekitar. Pengenalan *effluent tax* ini dapat mengatasi masalah kegagalan industri-industri perkilangan untuk mempertimbangkan impak buruk tindakan industri dalam pencemaran air kerana industri-industri ini akan mengambil kira aspek pencemaran air ini sebagai salah satu kos faktor industri.

Hal ini akan membawa impak positif yang seterusnya, iaitu peralihan kepada cara pelupusan sisa-sisa toksik industri-industri perkilangan kepada yang lebih mesra alam untuk meminimumkan kos pengeluaran industry. Hal ini dapat membantu mengurangkan pencemaran air secara langsung.

Selain itu, pelaksanaan kutipan *effluent tax* memberikan insentif kepada industri untuk berinovasi dan mendinamikkan industri-inudustri di negeri. Hal ini disebabkan kos tambahan yang diperkenalkan ini akan dapat merangsang industri-industri untuk memikirkan dan

membangunkan cara-cara alternatif pelupusan ataupun perawatan sisa-sisa yang lebih mesra alam kerana polisi ini memberikan kebaikan kepada industri perkilangan yang dapat mengurangkan praktis yang mencemarkan air.

Dari segi kadar cukainya, pendapat-pendapat industri yang terlibat akan diambil kira dan satu Suruhanjaya Khas untuk berbincang dengan pihak-pihak yang berkenaan selain pakar alam sekitar akan ditubuhkan menentukan kadar cukai pencemaran air tersebut. Turut ditekankan ialah kadar cukai tersebut akan ditetapkan pada kadar yang setimpal dengan pencemaran yang diakibatkan. Kutipan *effluent tax* ini juga akan dilaksanakan secara berperingkat untuk meminimumkan impak terhadap industri-industri perkilangan.

Sekian, terima kasih.

**Chang Zhao Xuan**

EXCO Alam Sekitar dan Kebajikan

Sidang Muda 2021

